

UMNO-CALON

1984
KUALA LUMPUR, 30 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DIISYTIHARKAN MENANG TANPA BERTANDING SEBAGAI PRESIDEN UMNO UNTUK TIGA TAHUN LAGI APABILA PENCALONAN DITUTUP PADA PUKUL 4.30 PETANG INI HARI INI.

SETIAUSAHA AGUNG UMNO MALAYSIA DATUK HAJI MUSTAPHA JABAR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SEJURUS KEMUDIAN UNTUK LAIN-LAIN JAWATAN TERMASUK TIMBALAN PRESIDEN, NAIB PRESIDEN, ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI DAN KETUA PERGERAKAN PEMUDA DAN KETUA WANITA SEMUANYA DIPERTANDINGKAN..

TIGA ORANG DICALONKAN AKAN BERTANDING BAGI KERUSI TIMBALAN PRESIDEN ITU DATUK MUSA HITAM (TIMBALAN SEKARANG), TENGGU RAZALEIGH HANZAH DAN DATUK HAJI HARUN IDRIS.

UNTUK NAIB PRESIDEN SERAMAI 20 ORANG AKAN BERTANDING DAN 78 CALON UNTUK MAJLIS TERTINGGI.

BAGI JAWATAN Pengerusi tetap perhimpunan Agung, 10 orang dicalonkan manakala Timbalan Pengerusi tetap 14 orang.

Dua orang dicalonkan untuk jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO iaitu ketuanya seorang Encik Anwar Ibrahim dan bekas Ketua Pergerakan itu Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin manakala untuk jawatan Naib Ketua Pergerakan empat orang dan anggota Jawatankuasa 103 orang.

-- LAGI 1824/LK

UMNO-CALON 2 KUALA LUMPUR

EMPAT ORANG CALON NAIB KETUA PERGERAKAN PEMUDA IALAH PEMEGANG JAWATAN SEKARANG DATUK MOHAMMAD NAJIB TUN ABDUL RAZAK, ENCIK MAZLAN DATUK HARUN, HAJI MUHYIDDIN HAJI MOHAMMAD YASSIN DAN ENCIK NAZRI TAN SRI AZIZ YEOP KETIGA-TIGANYA ANGGOTA JAWATAN KUASA PEMUDA SEKARANG.

SEMENTARAITU DUA DICALONKAN UNTUK JAWATAN KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO IAITU MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ DAN DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA ISMAIL.

CALON-CALON NAIB KETUA WANITA PULA SERAMAILIMA ORANG -- HAJJAH RAHMAH OTHMAN, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA ISMAIL, HAJJAH SHARIFAH DORA SYED MOHAMMAD, PUAN NAPSIAH OMAR DAN SEN. ROKIAH ZAINUDDIN (KETUA PERHUBUNGAN WANITA UMNO KEDAH).

DATIN PADUKA ZALEHA BAGAIMANAPUN MENOLAK UNTUK DICALONKAN SEBAGAI NAIB KETUA KERANA BELIAU HANYA MAHU BERTANDING UNTUK JAWATAN KETUA PERGERAKAN ITU.

DATUK MUSTAPHA BERKATA 99 BAHAGIAN SAHAJA MENGHANTAR PENCALONAN MEREKA UNTUK CALON MAJLIS TERTINGGI APABILA DITUTUP MANAKALA UNTUK JAWATAN PERGERAKAN PEMUDA 59 BAHAGIAN DAN PERGERAKAN WANITA 84 BAHAGIAN.

-- LAGI 1828/LK

UMNO-CALON 3 KUALA LUMPUR

KETIGA-TIGA ORANG NAIB PRESIDEN UMNO DATUK HARUN, ENCIK GHAFFAR BABA DAN TENGGU AHMAD RITHAUDDIN SEKARANG DICALONKAN SEMULA UNTUK MEMPERTAHAKAN KERUSI MASING-MASING.

SEMENTARA ITU 17 CALON LAIN TERDIRI DARIPADA ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI YANG AKAN MENCUBA NASIB.

MEREKA IALAH DATUK RAIS YATIM, DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI, DATUK MOHAMMAD RAHMAT, DATUK SERI AMAR HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, DATUK HAJI ABDUL MANAN OTHMAN, DATUK SANUSI JUNID, DATUK MOHAMMAD NAJIB TUN ABDUL RAZAK, TAN SERI HAJI OTHMAN SAAD, DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN, DATUK MOHAMMAD AZMIR NAZIR (MUKA BARU), ENCIK RAMLI NGAH TALIB, DATUK SERI MOHAMMAD ADIB HAJI ADAM, DATUK MOHAMMAD ISA DATUK SAMAD, TAN SRI GHAZALI SHAFIE, ENCIK ANWAR IBRAHIM DAN DR. NAWAWI MAT AWIN.

KATANYA, SURAT TAWARAN MENJADI CALON TELAH DIHANTAR PADA 26 APRIL LALU TETAPI SEORANGPUN MASIH BELUM MENJAWABNYA.

SEMENTARA ITU SURAT TAWARAN KEDUA-DUA CALON TUMBALAN PRESIDEN JUGA DIHANTAR PADA HARI KHAMIS LALU TETAPI BELUM JUGA BERJAWAB.

TARIKH AKHIR PERSETUJUAN ATAU MENOLAK UNTUK BERTANDING IALAH PADA 15 MEI DEPAN PADA PULU 4.30 PETANG.

-- LAGI 1906/LK

ZCZC 8612

UMNO-CALON 4 KUALA LUMPUR

DATUK MUSTAPHA BERKATA SURAT TAWARAN CALON BAGI JAWATAN KETUA PEMUDA TELAH DIHANTAR KEPADA ENCIK ANWAR PADA 18 APRIL DAN BELIAU MEMBERI JAWAPAN BERSETUJU PADA 21 APRIL MANAKALA SURAT KEPADA DATUK HAJI SUHAIMI YANG DIHANTAR PADA 20 APRIL MASIH BELUM BERJAWAB.

SURAT TAWARAN KEPADA DATIN PADUKA RAFIDAH DAN DATIN PADUKA ZALEHA DIHANTAR PADA 19 APRIL TETAPI HANYA DATIN PADUKA ZALEHA YANG MENJAWAB PADA HARI SABTU LALU KENYATAKAN PERSETUJUANNYA.

SETIAUSAHA AGUNG UMNO ITU BERKATA JAWATAN KUASA PEMILIHAN AKAN BERMESYUARAT PADA 16 MEI UNTUK MENENTUKAN CALON YANG MENERIMA PENCALONAN MASING-MASING.

IBU PEJABAT UMNO JUGA MENERIMA 595 USUL DARIPADA 58 BAHAGIAN DAN 195 USUL DARIPADA 27 BAHAGIAN PEMUDA DAN 47 USUL DARI 15 BAHAGIAN WANITA

JAWATAN KUASA PENAPIS USUL-USUL YANG DIPENGERUSIKAN OLEH ENCIK GHAFFAR BABA AKAN BERMESYUARAT PADA 9 MEI UNTUK MEMILIH USUL-USUL YANG AKAN DIBAWA KE PERHIMPUNAN AGUNG.

MENGENAI PERWAKILAN PULA BELIAU BERKATA BELANGANNYA HANYA AKAN DIKETAHUI SETELAH SEMUA YURAN DITERIMA OLEH IBU PEJABAT UMNO.

-- LAGI 1910/LK

UMNO-CALON 5 KUALA LUMPUR

DATUK MUSTAPHA BERKATA BEBERAPA BAHAGIAN TELAH MENELEFON BELIAU MENYATAKAN YURAN MERKA TELAH DIHANTAR DAN MASIH DALAM PERJALANAN POS.

KATANYA, IBU PEJABAT AKAN MENERIMA YURAN-YURAN TERSEBUT BERDASARKAN TARIKH MERKA DIPOSKAN WALAUPUN LEBAT DARIPADA TARIKH AKHIR LAITU HARI INI.

DATUK MUSTAPHA BERKATA SEMUA BAHAGIAN YANG MENGADAKAN MESYUARAT MERKA ANFARA 19 DAN 22 APRIL LALU TELAH BERJALAN DENGAN LANCAR DAN BAIK.

KATANYA TIDAK ADA KEKECOHAN KEGUALI KEPUTUSAN DUA ORANG KBTUA BAHAGIAN KUALA PILAH APABILA DATUK MANSOR OTHMAN DAN DR. RAMLI UJANG MENDAPAT UNDI SAMA BANYAK.

KEPUTUSAN TERSEBUT AKAN DIKAJI DAN DIPUTUEKAN DALAM MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI YANG AKAN DATANG.

MENGENAI PERTANDINGAN UNTUK PRESIDEN SEJAK UMNO DITUBUHKAN HANYA TUNKU ABDUL RAHMAN SAHAJA DITENTANG GEKALI OLEH PUAD HASSAN DAN TAN SERI C.M. YUSOF MANAKALA DATUK HUSSEIN OYN OLEH HAJI SULAIMAN PALESTIN.

— BERNAMA KATILK